

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)**  
**TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan pindaan bagi arahan MKN No 23 serta apakah pertimbangan yang menyebabkan cadangan tersebut masih tidak dapat dimuktamadkan.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23: Mekanisme Pengurusan PATI Pemegang Kad UNHCR (2009) merupakan satu-satunya mekanisme pengurusan pelarian di dalam negara.
2. Pada ketika ini, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) dengan kerjasama Kementerian dan Agensi yang berkaitan sedang melaksanakan semakan semula ke atas Arahan MKN No. 23 tersebut. Penambahbaikan ini juga turut mengambil kira input dan pandangan daripada pelbagai pihak dan pemegang taruh agar suatu dasar dan mekanisme yang lebih efisien dapat diwujudkan, disamping menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

## SOALAN NO : 41

3. Antara cadangan-cadangan penambahbaikan yang telah dirangka adalah membabitkan penetapan keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa, penyelarasan perundangan, koordinasi gerak kerja pendaftaran dan dokumentasi serta pembentukan mekanisme bagi isu-isu membabitkan kebajikan, sokongan dan kehidupan bagi tempoh sepanjang keberadaan sementara mereka di dalam negara sebelum pulang semula secara sukarela ke negara asal atau ditempatkan ke negara ke tiga.

4. Selain itu, bagi memastikan dasar ini adalah selari dengan hasrat kepimpinan baru, MKN, JPM akan melaksanakan penyelarasan dan akan mengemukakan cadangan penambahbaikan ini kepada Kerajaan dalam masa terdekat. Selain penambahbaikan arahan di atas, MKN, JPM juga sedang dalam proses mengemaskini dan melaksanakan penjajaran semula semua Arahan-Arahan Majlis Keselamatan Negara sedia ada agar lebih tersusun dan relevan.

Sekian, terima kasih.